

# PENAGIHAN DADAH DAN PERLAKUAN JENAYAH: CABARAN KEPADA PUSAT SERENTI DAN MASYARAKAT MASA KINI

**Yahya Bin Don**

Sekolah Menengah Kebangsaan Baling

09100 Baling Kedah

Tel: 04-4706793, Fax: 04-4701218

email: [yahya98@tm.net.my](mailto:yahya98@tm.net.my)

**ABSTRAK:** Hubungan yang kompleks antara penagihan dadah dengan perlakuan jenayah merupakan cabaran kepada pihak Agensi Dadah Kebangsaan (ADK) dalam merangka program pencegahan, rawatan dan pemulihan penagih dadah di Malaysia. Kesan dari penagihan dadah dan perlakuan jenayah oleh penagih dadah ini tidak terhad kepada diri penagih dadah semata-mata, malah melibatkan keluarga dan ahli masyarakatnya. Kajian yang dilakukan ke atas 300 orang penagih dadah yang sedang mengikuti proses rawatan dan pemulihan Serenti menampakkan cabaran yang serius sedang dihadapi oleh Pusat Serenti, masyarakat dan keluarga dalam usaha mengurangkan kadar jenayah akibat penagihan dadah di dalam negara. Variabel kajian meliputi aspek harga diri, keluarga, rakan sebaya, masyarakat, institusi persekolahan, umur penagih dadah, kekerapan masuk ke Pusat Serenti, jangka masa menagih, dan lokasi tempat tinggal. Kajian ini mendapati pengaruh masyarakat, keluarga, kekerapan masuk ke Pusat Serenti dan jangka masa menagih mempunyai hubungan terhadap perlakuan jenayah. Kertas ini juga menggariskan beberapa cadangan ke arah pemantapan program pemulihan, peranan ahli keluarga dan anggota masyarakat dalam menangani masalah ini.

## PENGENALAN

Pada tahun 1983, penilaian awal ke atas strategi dadah telah memperlihatkan beberapa perubahan pada peringkat dasar. Akta 234, Akta Dadah Berbahaya (1952), Ordinan Dadah Merbahaya (Pindaan 1983) bagi kesalahan dan hukuman (Seksyen 39 A dan 39 B) serta Akta 238 (Akta Penagih Dadah) bagi rawatan dan pemulihan dikuatkuasakan. Juga, orientasi negara terhadap dadah merbahaya beralih daripada satu perspektif masalah sosial kepada masalah keselamatan negara.

Sehubungan dengan itu, pada 1 Mei 1983, Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah (BRPD) ditubuhkan di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN). Bahagian ini bertanggungjawab menggerak, menyelaras dan mengawasi semua aktiviti memerangi dadah di seluruh negara. Dua strategi utama yang diisytiharkan oleh negara dalam memerangi dadah ialah pencegahan dan pemulihan.

Strategi pencegahan mengandungi tiga unsur penting iaitu pencegahan awalan (*primary prevention*), pencegahan kemasukan (*primary enforcement*) dan pencegahan melalui perundangan. Objektif pencegahan awalan adalah untuk melindungi anggota masyarakat daripada terlibat dengan penggunaan dadah. Usaha ini termasuklah membentuk pemikiran generasi muda supaya membenci dadah, membentuk suasana persekitaran yang menjadikan dadah jelek dan jijik, melibatkan masyarakat dalam usaha pencegahan dadah dan menyediakan alternatif untuk menghindarkan ahli masyarakat daripada terlibat dengan dadah (Laporan Dadah, 1996).

Pencegahan kemasukan adalah untuk mengubah dan menyokong langkah-langkah pencegahan awalan yang mempunyai objektif mencegah kemasukan bekalan melalui sempadan yang sah dan laluan haram. Di samping itu usaha membanteras pengedaran dan penjualan dadah dalam negara juga turut dipertingkatkan.

Pencegahan melalui perundangan bertujuan menggunakan undang-undang sebagai alat untuk menyokong pencegahan kegiatan pengedaran dan penggunaan dadah. Selain dari meminda undang-undang dari masa ke semasa, kerajaan Malaysia juga telah menggubal undang-undang baru yang memberi kuasa kepada agensi penguatkuasaan untuk merampas harta benda yang diperolehi daripada kegiatan pengedaran dadah. Undang-undang tersebut ialah Akta Dadah Berbahaya (Pelucutkan Harta) 1988 (Laporan Dadah, 1996).

Strategi kedua ialah pemulihan yang bertujuan untuk memutuskan pergantungan kepada dadah dan mencegah ketagihan semula. Strategi ini berbentuk reformatif di mana penagih dipulihkan dengan menggunakan konsep "Cold Turkey" tanpa diberi dadah gantian, di samping pendekatan psikososial (kaunseling, pendidikan agama, moral dan sivik, aktiviti ala tentera dan latihan vokasional serta pekerjaan) (Laporan Dadah, 1996).

Perlaksanaan strategi ini memerlukan pengkelasan penagih dadah kepada dua katogeri iaitu penagih di peringkat mencuba-cuba (experimental stage) dan penagih tegar (hard core). Ini adalah supaya modaliti rawatan dan pemulihan yang diberikan kepada mereka akan lebih berkesan dan sesuai. Strategi ini menggunakan dua pendekatan iaitu memutuskan pergantungan kepada dadah dan pencegahan penagihan semula (Laporan Dadah, 1996).

Memandangkan terdapat pelbagai usaha dan perubahan telah dilakukan, namun begitu masalah ketagihan semula (relapse) terus meningkat contohnya pada tahun 1996 seramai 16,752 orang meningkat kepada 18,942 pada tahun 1997 (Maklumat Dadah Semasa, 1998). Kadar jenayah akibat penagihan dadah ini terus meningkat di Malaysia pada tahun 1997 (Utusan Malaysia, 14 April 1998). Ini adalah merupakan cabaran kepada pihak ADK, badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan yang bertanggungjawab dalam pencegahan penagihan dadah bagi menghadapi alaf baru. Oleh itu penelitian, penilaian, dan perubahan perlu dilakukan untuk memantapkan lagi program pemulihan dan rawatan bagi menghadapi cabaran ini. Tindakan ini amat perlu memandangkan penagihan dadah bukan sahaja memberi kesan kepada diri penagih semata-mata, malah boleh mengancam keharmonian keluarga, masyarakat dan keselamatan negara melalui kegiatan jenayah dan keganasan.

## HUBUNGAN PENAGIHAN DADAH DENGAN PERLAKUAN JENAYAH.

Hubungan dadah dan jenayah dapat dibahagikan kepada dua definisi utama iaitu dadah didefinisikan sebagai jenayah apabila menyalahgunakan atau pelanggaran undang-undang berhubungkait dengan dadah atau memiliki atau mengedar dadah secara haram. Definisi kedua mengaitkan hubungan dadah dengan jenayah iaitu dadah bukanlah suatu jenayah jika kegiatannya tidak melanggar undang-undang dadah, tetapi menjadi suatu jenayah bila mana dadah menjadi faktor kepada perlakuan jenayah (Bureau of Justice Statistic, 1994).

Penagihan dadah akan mendorong manusia melakukan jenayah dalam tiga situasi iaitu, pertama dadah akan menyebabkan seseorang itu bertindak melakukan jenayah, kedua kos dadah akan menyebabkan pengguna dadah melakukan jenayah untuk menyara tabiat ketagihan dan ketiga keganasan yang bercirikan pengguna dan penyalahgunaan dadah mempunyai hubungkait dengan penglibatan pengedaran dadah (Bureau of Justice Statistic, 1992).

Terdapat bukti yang jelas hubungan antara penggunaan dadah dengan perlakuan jenayah dan ianya boleh dirumuskan kepada tiga dasar utama iaitu, pertama laporan penagih dadah yang menyatakan mereka bergiat aktif dalam jenayah dan mempunyai lebih banyak rekod jenayah berbanding dengan bukan pengguna dadah. Kedua, mereka yang mempunyai rekod jenayah lebih banyak menggunakan dadah jika dibandingkan dengan yang tidak mempunyai rekod jenayah dan ketiga jenayah meningkat selari dengan penagihan dadah.

Tiga komponen utama yang mempengaruhi perlakuan jenayah penagih dadah iaitu, akibat kesan psikofarmalogikal, dorongan atau naluri untuk melakukan jenayah dan demi menjaga kepentingan ekonomi (Goldstein, 1985). Kesan psikofarmalogikal yang disebabkan penggunaan dadah menyebabkan penagih dadah menjadi tidak rasional, tidak stabil dan cenderung ke arah perlakuan jenayah dan keganasan. Dorongan atau naluri ke arah perlakuan jenayah berlaku melalui pengalaman dari rakan sebaya, keperluan kepada dadah yang semakin memuncak, kos dadah yang meningkat dan peluang untuk melakukan jenayah (Goldstein et al. 1989). Penagih dan pengedar dadah akan melakukan jenayah untuk menjaga kepentingan ekonomi, melindungi rangkaian pengedaran dan untuk memastikan pasaran dadah di kawasan operasinya selamat (Brady et al. 1995).

Dalam masyarakat kita hari ini, masalah dadah dan jenayah menjadi semakin serius tidak terhad kepada golongan dewasa malah melibatkan golongan remaja dan pelajar sekolah. Laporan Jabatan Narkotik Polis Diraja Malaysia menunjukkan ramai penagih dadah terlibat dalam jenayah terutamanya mencuri dan mengedar dadah. Pertambahan penagihan dadah di sesuatu tempat sering membawa kepada peningkatan kadar jenayah (Faupel, 1991; Goldstein, 1985; Ratner, 1993). Di Malaysia seramai 2,230 murid sekolah rendah dan menengah terbabit dengan salahguna dadah antara tahun 1983 hingga

1993. Antara jangka masa tersebut seramai 218 pelajar telah ditangkap terbabit dalam kegiatan jenayah di Alor Setar dan disyaki terlibat dalam penagihan dadah. Kebanyakan mereka dilaporkan terbabit dalam kegiatan pecah rumah dan sekolah, curi basikal dan bergaduh (Laporan Jabatan Narkotik PDRM, Alor Setar, 1993). Bilangan yang kecil ini jika tidak dibendung akan menjadi semakin besar dan lebih ramai murid dikhuatiri terlibat dengan jenayah dan menjadi mangsa kepada penyalahgunaan dadah dan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS).

Pada keseluruhannya, jumlah pesalah dadah di penjara di seluruh Malaysia terus meningkat. Daripada keseluruhan banduan di penjara pada akhir 1996, didapati 10,807 orang atau 43.7% merupakan banduan dadah. Ini menunjukkan bahawa hampir separuh banduan di penjara adalah mereka yang terlibat dengan dadah. Dari jumlah berkenaan penagih dadah adalah seramai 5,557 orang (51.4%), penagih dan pengedar 3,550 orang (33.9%), dan pengedar 1,700 orang (15.7%) (Laporan Dadah, 1996).

Peningkatan pesalah dadah menunjukkan pertambahan penagih dadah yang mempunyai rekod jenayah. Daripada 23,628 orang penagih yang telah ditahan dari Januari hingga November 1997 (11,275 penagih baru dan 12,353 orang penagih berulang) sebanyak 12,250 orang yang telah ditangkap di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 dan 1,378 orang di bawah Akta Dadah Berbahaya 1985 (Langkah-langkah Pencegahan Khas). Ini menunjukkan bahawa 10,000 orang penagih dadah telah ditangkap kerana melakukan pelbagai jenayah index (Laporan Dadah, 1996).

## **IMPLIKASI PENAGIHAN DADAH DAN PERLAKUAN JENAYAH**

Dadah meninggalkan implikasi yang besar terhadap penagihnya. Dadah akan mengubah, mempengaruhi dan mengawal perlakuan seseorang itu sehingga membawa penderitaan dan kesengsaraan. Jika dilihat dari segi sosial, kesan kegiatan penagihan dadah akan menjejaskan keharmonian keluarga, merosakkan nilai tradisional masyarakat dan nilai agama di kalangan belia. Seseorang penagih itu akan hilang maruah diri dan tidak menghormati ibu bapa (Abdullah Al Hadi & Iran Herman, 1997). Kehidupan penagih dadah berkisar kepada usaha-usaha mendapatkan bekalan dadah sehingga sanggup melakukan jenayah dan mencuri dari keluarga mereka sendiri untuk menyara tabiat menagih mereka. Pendapatan dari pekerjaan yang sah adalah tidak mencukupi bagi menyara tabiat menagih, ini memaksa penagih melakukan jenayah seperti mencuri, merompak, melacur dan melakukan jenayah menggunakan senjata api untuk membeli dadah (Goldstein, 1985; Yablonsky, 1990).

Kecenderungan sebegini boleh menyebabkan perselisihan dengan ahli keluarga yang lain, kecurigaan ibu bapa terhadap anak-anak muda, melemahkan perpaduan, kemajuan dan pembangunan masyarakat (Gardner, Green, & Marcus, 1994). Keadaan ini menyebabkan ibu bapa mengabaikan anak, tidak memberi pendidikan yang sempurna, kurang memberi perhatian,

kawalan dan sebagainya. Situasi sebegini akan memburukkan lagi masalah penagihan dan jenayah.

Negara juga akan mengalami kerugian daya pengeluaran dari sumber tenaga manusia yang besar akibat terlibat dengan dadah. Malah negara juga kehilangan sumber kewangan akibat kegiatan penagihan dan kerosakan harta benda akibat kegiatan jenayah seperti mencuri, merompak, membunuh dan sebagainya (Brochu, 1995).

Kajian juga mendapati penagih dadah berada dalam keadaan luar biasa dan tidak dapat mengawal diri. Keadaan ini boleh menyebabkan mereka terlibat dengan jenayah keganasan seperti menyerang, merogol atau membunuh (Goldstein, 1985; Brody, 1990). Individu yang mengambil dadah akan menghasilkan latar sosioekonomi ke arah kecenderungan yang ketara untuk melakukan jenayah, pendidikan yang rendah, keruntuhan keluarga, kurang pengawasan sosial dan mempunyai status sosial yang rendah (Abraham & Teplin, 1990).

Keadaan penagih yang tidak konsisten ini, jika tidak dibendung dalam jangka panjang akan menyebabkan keharmonian masyarakat dan negara akan terancam. Ini adalah kerana kehilangan perhitungan dan persepsi yang sempurna tidak membolehkan penagih membezakan mana yang baik dan buruk. Dengan itu, masyarakatlah yang menjadi sasaran tindakan jenayah mereka.

### **PENGARUH PSIKOSOSIAL PENAGIH DADAH TERHADAP PERLAKUAN JENYAH.**

Kajian pengaruh psikososial dan institusi terpilih penagih dadah terhadap perlakuan jenayah index telah dilakukan ke atas 300 pelatih yang sedang mengikuti program pemulihan dan rawatan Serenti. Variabel kajian meliputi aspek harga diri, pengaruh keluarga, pengaruh rakan sebaya, pengaruh masyarakat dan pengaruh institusi persekolahan. Manakala faktor penagihan terpilih seperti umur penagih dadah, jangka masa menagih, kekerapan masuk ke Pusat Serenti dan lokasi tempat tinggal.

Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan aspek harga diri antara penagih dadah jenayah di bandar dan luar bandar di mana penagih jenayah di bandar mempunyai harga diri yang lebih rendah dari penagih dadah jenayah di luar bandar. Ini disebabkan persekitaran ekonomi dan sosiobudaya yang berbeza. Di kawasan bandar kos hidup yang tinggi dan masyarakat yang bersifat individualistik menyebabkan penagih dadah merasa tersisih dan terabai. Situasi demikian ditambah dengan kos dadah yang semakin meningkat mendorong kepada perlakuan jenayah.

Penagih Luar bandar mengalami perubahan peningkatan harga diri yang konsisten pada peringkat awal perkembangan kanak-kanak dan awal remaja (Deihl, Deike, & Vicary, 1997). Ini berlaku kerana sosiobudaya masyarakat luar bandar lebih bersikap prihatin terhadap perkembangan kanak-kanak.

Tambahan lagi kebanyakan kanak-kanak dan remaja ini membesar di kawasan yang berhampiran dengan saudara mara. Oleh itu, mereka merasakan diri mereka lebih selamat dan diawasi berbanding dengan remaja yang tinggal di kawasan bandar. Selain dari itu, kebanyakan penagih dari kawasan luar bandar berada pada tahap permulaan atau mencuba-cuba berbanding penagih dadah di bandar yang mempunyai jangka masa menagih yang lebih lama.

Pengaruh keluarga mempunyai hubungan dengan jangka masa menagih dadah dan kekerapan masuk ke Pusat Serenti di kalangan penagih dadah jenayah. Penelitiari mendapati keadaan keluarga yang sering bertelingkah, bercerai, kurang pengawasan ibu bapa, komunikasi dan hubungan ibu bapa yang lemah mempunyai hubungan dengan perlakuan jenayah penagih dadah (Huizinga et al., 1994; Beck, 1988; Garnefski & Okma, 1996; Roth, 1994). Tindakan beremosi ibu bapa seperti menampar, merotan dan mengherdik menyebabkan anak-anak menjadi kecewa dan bertindak ganas. Malah kurangnya kemesraan dan kasih sayang ibu bapa, kebebasan keterlaluan dan kurang memberi perhatian tentang pergaulan anak-anak mempengaruhi penagihan dadah jenayah (Brounstein, 1989; Roth, 1994; Gardner, Green, & Marcus, 1994). Sekiranya situasi ini terus berlaku, maka masalah penagihan dan jenayah di kalangan penagih dadah sukar untuk dipulihkan dan kadar kemasukan ke Pusat Serenti terus meningkat. Ini boleh menyebabkan peningkatan dalam kadar jenayah di dalam negara.

Kajian juga mendapati masyarakat mempengaruhi perlakuan jenayah penagih dadah. Malah jangka masa menagih dadah dan kekerapan masuk ke Pusat Serenti penagih dadah jenayah mempunyai hubungan dengan pengaruh masyarakat. Ini menunjukkan lemahnya ikatan kemasyarakatan, kekurangan aktiviti-aktiviti formal ahli masyarakat dan sikap kurang perihatin ahli masyarakat terhadap penagihan dadah (Gardner, Green, & Marcus, 1994; Dittmar, Ratnasingam & Navaratnam, 1984). Satu pertiga pelatih yang keluar dari Pusat Serenti tidak mengambil bahagian dalam aktiviti kemasyarakatan sementara yang lain jarang mengambil bahagian (Navaratnam, Foong Kin, & Kulalmoli, 1992; Abdullah Al Hadi & Iran Herman, 1997). Keadaan ini menunjukkan kegagalan ahli masyarakat menerima dan membimbing golongan penagih dadah menyebabkan mereka menjadi agresif, dendam, bersikap memberontak dan anti sosial. Ini mungkin berlaku disebabkan ahli masyarakat sering melepaskan tanggungjawab untuk memulihkan penagih dadah kepada pihak polis dan Agensi Dadah Kebangsaan (ADK) dan amat kurang inisiatif dari ahli masyarakat untuk membendung gejala ini. Situasi ini berlaku di bandar dan juga luar bandar.

Kekerapan penagih dadah jenayah memasuki Pusat Serenti juga mempunyai hubungan dengan pengaruh institusi persekolahan. Kadar keciciran yang tinggi akibat prestasi akademik yang lemah, disiplin dan masalah ekonomi keluarga mendorong keterlibatan dalam penagihan dadah dan jenayah (Chee Kim Loy, 1973; Choo et al., 1986; Abdullah Al Hadi & Iran Herman, 1997; Navaratnam & Spencer, 1977). Keterbatasan tindakan guru terhadap pelajar, pelaksanaan peraturan yang longgar semasa di sekolah, campur tangan waris yang

keterlaluan, dan kurangnya guru yang berani menanggung risiko pengawalan merumitkan masalah ini. Terbatasnya peranan guru dan kurangnya pengawasan ibu bapa selepas waktu persekolahan juga menyumbang kepada peningkatan penagihan dadah dan perlakuan jenayah.

## **PEMANTAPAN PROGRAM SERENTI DAN PERANAN ANGGOTA MASYARAKAT.**

Hasil kajian ini menunjukkan kekerapan masuk ke Pusat Serenti dan jangka masa menagih mempunyai hubungan dengan pengaruh keluarga, pengaruh masyarakat dan pengaruh institusi persekolahan di kalangan penagih dadah jenayah. Ini memperlihatkan terdapat empat pihak yang perlu memainkan peranan penting dalam menyelesaikan masalah ini iaitu Pusat Serenti, masyarakat, keluarga dan institusi persekolahan.

Memandangkan kekerapan memasuki Pusat Serenti merupakan faktor yang paling dominan mempengaruhi perlakuan jenayah penagih dadah, maka penyelesaian perlulah dilakukan oleh pihak Pusat Serenti dalam menangani masalah ini. Pihak ADK disarankan mengasingkan pelatih yang mempunyai rekod jenayah dan tidak mempunyai rekod jenayah. Ini boleh dilakukan sama ada diletakkan secara berasingan di satu Pusat Serenti yang sama atau di Pusat-pusat serenti yang berasingan dengan memberi modul rawatan dan pemulihan yang berbeza. Sekiranya terlalu ramai penagih dadah jenayah, pengasingan boleh dilakukan mengikut katogori jenayah iaitu jenayah berat (jenayah kekerasan) dan jenayah ringan (jenayah harta benda). Pengaruh rakan sebaya amat kuat mempengaruhi perlakuan jenayah semasa pelatih berada di dalam Pusat Serenti.

Kajian menunjukkan lokasi tempat tinggal iaitu bandar dan luar bandar mempengaruhi harga diri yang berbeza di kalangan penagih dadah jenayah. Faktor harga diri merupakan komponen psikologi yang asas apabila berdepan dengan sesuatu rangsangan. Malah kajian ini juga menunjukkan bahawa penagih dadah mempunyai harga diri yang sederhana tinggi paling banyak terlibat dengan perlakuan jenayah, terutamanya bagi penagih dadah yang berumur 25 hingga 35 tahun. Tumpuan perlu diberi dalam aspek ini kerana harga diri boleh memberi kesan kepada faktor psikososial yang lain seperti keluarga, rakan sebaya, masyarakat dan institusi persekolahan. Oleh itu amat penting bagi pihak ADK dan agensi sama ada kerajaan atau pun swasta memberi perhatian dalam aspek harga diri dan lokasi tempat tinggal dalam program pemulihan dan rawatan penagih dadah jenayah.

Selain dari itu perubahan perlulah dilakukan dalam menyusun semula struktur kakitangan sama ada di peringkat pentadbiran atau keselamatan. Kakitangan yang dihantar untuk merawat pelatih perlulah terdiri dari mereka yang benar-benar berminat dan bukannya sebagai tempat untuk menukar pegawai yang bermasalah di peringkat pusat. Sikap dan kefahaman pada minda pegawai Pusat Serenti yang mengandaikan golongan penagih dadah yang memasuki Pusat Serenti sukar untuk dipulihkan haruslah dikikis.

Pihak masyarakat dan badan-badan kebajikan juga perlu mengambil inisiatif untuk menarik keluar golongan penagih dari "Lingkaran Ganas" ini. Ahli Jawatan Kuasa Kemajuan Kampung (JKKK), penghulu, imam dan ketua-ketua kampung perlu mengambil langkah-langkah wajar menyelesaikan masalah ini, misalnya mengenali secara dekat setiap penduduk di kawasan masing-masing, menyelidik dan mendekati golongan belia dan remaja, mengadakan program-program kemasyarakatan untuk mengikis sikap dan pandangan serong anggota masyarakat terhadap penagih dadah.

Pihak institusi persekolahan perlulah menyelesaikan masalah pelajar yang berpotensi ke arah penagihan dadah dan jenayah pada peringkat sekolah dan tidak membiarkan masalah ini menjalar dalam masyarakat. Begitu juga pihak ibu bapa harus mengambil langkah pengawasan yang lebih ketat dan tidak melepaskan kepada mana-mana pihak untuk menyelesaikan masalah anak-anak mereka. Sekiranya semua pihak tersebut memainkan peranan masing-masing sudah tentu dapat mengurangkan dan menghindari individu dalam masyarakat daripada terjebak ke dalam "Lingkaran Ganas" ini.

Masalah peningkatan kadar penagihan dadah jenayah di kalangan belia, remaja dan juga kanak-kanak dapat dibendung daripada mencapai tahap kritikal dengan memperkukuhkan institusi kekeluargaan. Pendedahan dan bimbingan perlu diberi kepada bekas penagih dadah, bakal bapa dan ibu serta keluarga-keluarga yang berisiko tinggi berkaitan dengan masalah ini. Sehubungan dengan itu juga satu program kaunseling perlu diwajibkan ke atas keluarga penagih dadah jenayah sama ada oleh pihak ADK atau Jabatan Kebajikan Masyarakat dan pihak polis. Ini adalah kerana penagihan dan perlakuan jenayah tidak hanya disebabkan oleh diri penagih itu sendiri tetapi juga ahli keluarga. Selain daripada dapat mengekalkan fungsi institusi keluarga, suami, bapa dan pemimpin keluarga dan masyarakat setelah berjaya dipulihkan, ianya juga dapat membantu mengurangkan masalah penagihan dadah dan periakuan jenayah.

Pihak kerajaan dan bukan kerajaan (NGO) perlulah merancang dan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya seperti perbincangan, kursus, bengkel kaunseling kepada individu lepasan sekolah, ahli-ahli masyarakat dan sebagainya untuk mengurangkan kesan dan pengaruh psikososial dan institusi yang dihadapi oleh penagih dadah jenayah dan bakal penagih. Malah di peringkat institusi persekolahan juga langkah-langkah boleh dilakukan dengan memperkukuhkan ilmu pengetahuan mengenai dadah dan mengurangkan kadar keciciran di kalangan pelajar sekolah.

## **KESIMPULAN**

Sememangnya program rawatan dan pemulihan dadah yang dikendalikan di mana-mana negara menghadapi pelbagai cabaran kejayaan. Perubahan demi perubahan perlu dilakukan untuk memantapkan lagi program tersebut sesuai dengan perubahan nilai-nilai masyarakat dan kekeluargaan dalam arus pembangunan negara masa kini.



Kajian di Pusat-pusat Serenti menunjukkan hubungan yang ketara antara kekerapan masuk ke Pusat Serenti, pengaruh keluarga, pengaruh masyarakat dan pengaruh institusi persekolahan terhadap perlakuan jenayah penagih dadah. Oleh itu aspek ini perlu diambil perhatian oleh pihak ADK dan agensi kerajaan yang terbabit dalam menangani masalah jenayah oleh penagih dadah. Setiap pihak perlu menyelesaikan masalah di peringkat masing-masing tanpa membiarkan individu terjebak ke dalam "lingkaran ganas" ini. Misalnya pihak sekolah perlu menyelesaikan masalah pelajar yang berisiko / bermasalah pada peringkat sekolah dan tanpa membiarkannya diselesaikan oleh pihak lain. Begitu juga dengan pihak ibu bapa, masyarakat dan agensi-agensi kerajaan yang lain.

Cabaran yang dihadapi oleh Pusat Serenti, institusi keluarga, masyarakat dan institusi persekolahan adalah ketara. Cabaran Pusat Serenti antaranya kekurangan tenaga pakar yang berkaitan dengan pemulihan psikosial, kesungguhan dan minat kakitangan yang sering dipersoalkan, bilangan penagih yang perlu dirawat terlalu ramai, perbezaan profil pelatih yang dirawat dan pelbagai yang lain. Pihak institusi keluarga, institusi persekolahan dan masyarakat menghadapi perubahan ketara dalam nilai sosiobudaya akibat proses industrilisasi, pengaruh persekitaran, pengaruh media dan sebagainya. Justeru itu, bagi mengurangkan masalah penagihan dadah dan jenayah dalam negara, maka masalah di atas perlu diberi perhatian serius. Kejayaan mengurangkan masalah penagihan dan memulihkan penagih dadah bermakna kurangnya penagih ulangan, permintaan terhadap dadah serta kadar jenayah dalam negara.

## **RUJUKAN.**

- Abdullah Al Hadi Haji Muhamed & Iran Herman (1997). **Penagihan Dadah Mengikut Kaum, Diri, Keluarga dan Persekitaran**. Kuala Lumpur: Agensi Dadah Kebangsaan dengan kerjasama UPM dan UKM.
- Abraham, K. M. & Teplin, L. A. (1990). "Drug Disorder, Mental Illness and Violence." In M. D. L. Rosa, E. Y. Lambert, & B. Gropper (Eds.). **Drugs and Violence: Causes, Correlates and Consequences**. NIDA Research Monograph 103, 221-237.
- Beck, A. J. (1988). **Survey of Youth Custody, 1987**. Washington D. C: Department of Justice.
- Brady, K. T., Dustan, L. R., Grice, D. E., Dansky, B. S. & Kilpatrick, D. (1995). " Personality Disorder and Assault History In Substance-Dependent Individuals." **American Journal on Addiction**, 4, 306-312.
- Brochu, S. (1995). "Estimating The Cost of Drug Related Crime." Paper prepare for the **Second International Symposium on The Social and Economic Cost of Substance Abuse**. Montebello, 2-5 October 1995.

- Brody, S. L. (1990). "Violence Associated With Acute Cocaine Use in Patients Admitted to a Medical Emergency Department." In M. D. L. Rosa, E. Y. Lambert & B. Gropper (Eds.). **Drugs and Violence: Cause, Correlates and Consequences**. NIDA Research Monograph 103, 43-58.
- Brounstein, P. J. (1989). **Patterns of Substance Use and Delinquency Among Inner City Adolescents**. Washington D. C.: Urban Institute.
- Bureau of Justice Statistic (1994). **Drug and Crime Fact, 1994**. Washington DC: Department of Justice.
- Choo, P. F., Maznah Ismail, Navaratnam, V. & Hoo See Kong (1986). **A Comparative Study of the Psychosocial Profile of Drug Using and Non Drug Using School Children**. USM: National Drug Research Centre.
- Deihl, L. M., Deike, R. C. & Vicary, J. R. (1997). "Longitudinal Trajectories of Self-Esteem from Early to Middle Adolescence and Related Psychosocial Variables Among Rural Adolescents." **Journal of Research on Adolescence** 7, 393-411.
- Dittmar, M., Ratnasingam, M. & Navaratnam, V. (1984). **A Comparative Analysis of the Psychosocial Profile of Institutionalised Drug Using Population Minden**. USM: Pusat Penyelidikan Dadah Kebangsaan.
- Faupel, C. E. (1991). **Shooting Dope: Career Patterns of Hard Core Heroin Users**. Miami: University of Florida.
- Gardner, S. E., Green, P. F. & Marcus, C. (1994). **Signs of Effectiveness II: Preventing Alcohol, Tobacco and Other Drug Use: A Risk Factor/Resiliency-Based Approach**. Washington D. C.: U. S. Government Printing Office.
- Garnefski, N. & Okma, S. (1996). "Addiction-Risk and Aggressive / Criminal Behavior In Adolescence: Influence of Family, School and Peers." **Journal of Adolescence** 19, 103-112.
- Goldstein, P. J. (1985). The Drugs-Violence Nexus: A Tripartite Conceptual Framework. **Journal of Drug Issue**, 15, 493-506.
- Goldstein, P. J., Brownstein, H. H., Ryan, P. J. & Bellucci, P. A. (1989). "Crack and Homicide in New York City 1988: A Conceptually Based Event Analysis." **Contemporary Drug Problem**, 16, 651-687.
- Huizinga, D., Loeber, R. & Thornberry, P. T. (1994). **Urban Delinquency and Substance Abuse: Technical Report and Technical Appendices**. Washington D. C.: Office of Juvenile Justice and Delinquency Prevention.

- Navaratnam, V. & Spencer, C. (1977). **The Drug User and The Law: A Survey of Drugs Offenders Before the Courts and the Prison, Penang and Selangor States.** USM: Pusat Penyelidikan Dadah Kebangsaan.
- Navaratnam, V., Foong Kin & Kulalmoli, S. (1992). "An Evaluation Study of Drug Treatment and Rehabilitation Programme at a Drug Treatment Centre." **Monograph Series 7.** USM: Pusat Penyelidikan Dadah Kebangsaan.
- Pasukan Petugas Anti Dadah (1996). **Laporan Dadah Tahunan 1996.** Kuala Lumpur: Pasukan Anti Dadah Kebangsaan.
- Ratner, M. S. (1993). **Crack Pipe Is Pimp: An Ethnographic Investigation of Sex-for-Crack Exchanges.** New York: Lexington Books.
- Roth, J. A. (1994). **Psychoactive Substance and Violence.** Washington D. C: Department of Justice.
- Yablonsky, L. (1990). **Criminology: Crime and Criminality.** London: Harper Collins.